



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 11/2026

**STATUS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI
PARLIMEN P.100 PANDAN DAN P.118 SETIAWANGSA**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman daripada **YB Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat** melalui surat bertarikh **20 Mei 2026**, berhubung dengan status kekosongan luar jangka kerusi **Parlimen P.100 Pandan dan P.118 Setiawangsa** selepas diisytiharkan kosong di bawah **Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan**.
2. Berdasarkan kepada Perkara 54 (1) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah memaklumkan kepada SPR bahawa **tiada keperluan** bagi mengisi kekosongan luar jangka tersebut. Selaras dengan itu, **TIADA** Pilihan Raya Kecil (PRK) Bahagian Pilihan Raya **Parlimen P.100 Pandan dan P.118 Setiawangsa** akan dijalankan.

Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
20 Mei 2026 / 3 Zulhijah 1447H